



## Penyertaan Dalam Aktiviti Kokurikulum Mampu Meningkatkan Nilai Intergrasi Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Mersing

<sup>1</sup>Zulhazmi bin Kassim, <sup>2</sup>Zaidi bin Othman, <sup>3</sup>Azizah binti Mohamad

<sup>1</sup> Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Mersing, <sup>2</sup>Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, <sup>3</sup>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Mersing  
e-mail: <sup>1</sup> zulhazmikasim@gmail.com, <sup>2</sup>zaidiothman4472@gmail.com, <sup>3</sup>izah260672@gmail.com

### Abstrak

Kegiatan kokurikulum di peringkat Politeknik Malaysia adalah merupakan wadah utama yang menjadi ruang dan peluang kepada pelajar dalam memupuk semangat perpaduan pelbagai kaum. Perpaduan merupakan elemen yang sangat dititikberatkan demi keharmonian rakyat dan keamanan negara. Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan agenda negara adalah bagi mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Pemilihan untuk mengangotai unit beruniform, sukan dan kelab adalah berdasarkan minat pelajar itu sendiri dan terbuka kepada semua pelajar tanpa mengira kaum. Kajian penyertaan dalam aktiviti kokurikulum ini telah dijalankan ke atas 350 orang pelajar semester satu dan dua Politeknik Mersing. Kajian adalah secara deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Dapatkan kajian di analisis menggunakan perisian Statistical Package For Social For Window Version 13.0. Dapatkan hasil kajian menggambarkan bahawa aspek nilai intergrasi berada pada tahap paling tinggi dan diikuti oleh aspek kepimpinan. Manakala aspek disiplin diri pula berada pada tahap ketiga yang mempengaruhi seseorang pelajar dalam pemilihan menyertai aktiviti kokurikulum. Daripada hasil dapatkan kajian ini penulis mencadangkan supaya aktiviti kokurikulum di Politeknik sentiasa mengadakan aktiviti bersama persatuan, kelab dan unit beruniform setempat bagi menambahkan pengalaman pelajar.

**Kata Kunci**— Aktiviti Kokurikulum, Nilai Integrasi, Masyarakat Berbilang Kaum, Hidup Harmoni

### Abstract

*Co-curricular activities at the Malaysian Polytechnic level are the main container that becomes a space and opportunity for students to cultivate the spirit of unity of various races. Unity is an element that is highly emphasized for the sake of the harmony of the people and the security of the country. The National Education Philosophy and the national agenda is to create unity and harmony in the context of the multi-racial society in Malaysia. Selection to join uniformed units, sports and clubs is based on the student's own interests and is open to all students regardless of race. This study of participation in co-curricular activities was conducted on 350 students in the first and second semesters of Mersing Polytechnic. The study is descriptive by using a questionnaire as an instrument. The findings of the study were analyzed using the Statistical Package For Social For Window Version 13.0 software. The findings of the study show that the integration value aspect is at the highest level followed by the leadership aspect. While the aspect of self-discipline is at the third level which affects a student in choosing to participate in co-curricular activities. From the findings of this study, the author suggests that co-curricular activities at the Polytechnic always hold activities with local uniformed associations, clubs and units to increase the student experience.*

**Keywords**—co-curricular activities, integration values, multiracial society, harmonious living

### PENDAHULUAN

Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) menyelia hal ehwal yang berkaitan dengan sukan, kokurikulum dan kebudayaan. Selaras dengan kehendak Politeknik Malaysia, JSKK bertanggungjawab untuk menyelia kecemerlangan pelajar dalam bidang sukan, aktiviti kokurikulum dan kebudayaan diperingkat kebangsaan atau antarabangsa. Kokurikulum Politeknik Malaysia merangkumi aktiviti kokurikulum termasuk pakaian seragam, kelab dan

sukan. Penilaianya adalah di dalam dan luar bilik darjah. Melalui pembelajaran psikomotor, kognitif dan emosi, aktiviti kokurikulum menawarkan cara untuk pelajar berusaha ke arah pembangunan diri mereka sendiri. Selain itu, ia adalah persekitaran yang idea untuk menggalakkan kepentingan integrasi dan mewujudkan rasa perpaduan di kalangan pelajar yang pelbagai latarbelakang.

Seperti yang dinyatakan oleh Walker (2003) kurikulum adalah tambahan kepada kurikulum dan membantu dalam perkembangan peribadi seseorang pelajar. Aktiviti kurikulum adalah berdasarkan kehendak dan pelengkap kepada kurikulum. Kurikulum adalah pembelajaran yang berdasarkan kebolehan luar bilik darjah pelajar. Kebolehan ini membantu pelajar mengembangkan kemahiran semulajadi mereka dalam perkara yang mereka pelajari.

Melahirkan graduan yang komprehensif dan seimbang merupakan satu daripada sepuluh lonjakan utama yang disenaraikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2015 hingga 2025. Graduan yang holistik dan seimbang mempunyai pengetahuan dan nilai yang membantu mereka mengembangkan sifat intelek, rohani, emosi dan fizikal. Seterusnya membantu dalam pertumbuhan peribadi dan keupayaan untuk mengambil bahagian sebagai ahli masyarakat untuk kemajuan negara.

Matlamat utama pelaksanaan kursus korikulum di Politeknik Malaysia adalah bagi meningkatkan daya saing pelajar dalam menghadapi cabaran global apabila mereka tamat belajar. Pelaksanaan kurikulum diharapkan dapat menyemai perasaan muhibbah, perpaduan dan meningkatkan nilai intergrasi. Peningkatan ini adalah melalui interaksi sosial dalam berpasukan samada secara langsung atau tidak langsung.

Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menetapkan setiap pelajar mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu sukan dan satu kelab atau satu badan beruniform dalam dua semester bagi membolehkan mereka lulus penilaian kurikulum. Penilaianya adalah dari segi kemahiran bakat, kesungguhan dan minat, di samping membentuk kemahiran kepimpinan. Penilaian adalah dilakukan secara individu dan kumpulan.

Kegiatan kurikulum yang dilaksanakan Politeknik Malaysia juga mengandungi unsur-unsur perkembangan nilai yang boleh membantu proses pembentukan diri pelajar. Tujuannya adalah bagi menjadikan mereka warga negara yang lengkap dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Seterusnya dapat merialisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Negara.

### I Pernyataan Masalah

Menurut Sanusi Osman (1989), kebanyakan aktiviti penglibatan pelajar di negara kita tidak menghasilkan interaksi yang meluas di antara kaum. Dalam kelas atau dalam pasukan, pelajar lebih cenderung untuk berinteraksi dengan ahli kumpulan etnik mereka sendiri. Perpaduan dilihat tidak sempurna kerana pelajar tidak mengetahui betapa pentingnya untuk menggalakkan hubungan antara kaum.

Kursus kurikulum wajib diikuti oleh pelajar semester satu dan semester dua di Politeknik adalah berkredit. Mempunyai dua unsur penilaian iaitu tunjukcara dan mini projek. Penilaian ini dijalankan secara berkumpulan. Seringkali dilihat kumpulan yang dibentuk adalah tidak mencerminkan semangat Bangsa Malaysia. Berdasarkan maklumat tersebut, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keperluan aktiviti kurikulum kepada pelajar Politeknik Mersing. Penekanan terhadap intergrasi, kepimpinan dan disiplin diri telah dikenalpasti sebagai aspek untuk mengetahui keperluan aktiviti kurikulum.

### II Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa objektif yang bertujuan mengkaji :-

1. Adakah aktiviti kurikulum dapat memupuk nilai intergrasi di kalangan pelajar.
2. Adakah aktiviti kurikulum dapat menerapkan kualiti kepimpinan di kalangan pelajar.
3. Adakah aktiviti kurikulum dapat meningkatkan tahap disiplin pelajar.

### III Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti keperluan aktiviti kurikulum yang dijalankan di

Politeknik Mersing. Hasil kajian ini diharapkan dapat mengetahui perubahan sikap pelajar dari aspek memupuk nilai intergrasi, menerapkan kualiti kepimpinan dan meningkatkan tahap disiplin melalui penglibatan pelajar dalam program kokurikulum. Kajian yang dilaksanakan penting kepada Ketua Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan, Ketua Kursus Kokurikulum, Pensyarah Kursus kokurikulum dan pelajar.

#### IV Sorotan Literatur

Membincangkan kajian lepas yang berkaitan dengan intergrasi di dalam pendidikan terutama kokurikulum banyak dibincangkan bersama dengan kepimpinan dan disiplin pelajar. Teori dan model yang digunakan oleh pengkaji dapat dijadikan panduan untuk menyokong hasil daptan kajian tentang penyertaan dalam aktiviti kokurikulum mampu meningkatkan nilai intergrasi dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing

##### a. Kurikulum

Menurut Abdul Fatah (2003), kurikulum adalah suatu program pendidikan meliputi semua aspek kurikulum dan Kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan dan kemahiran. Di dalamnya telah digariskan bagaimana untuk melahirkan sebuah masyarakat yang berpengetahuan, berdisiplin dan boleh hidup bertolak ansur dalam masyarakat yang pelbagai.

Kejayaan proses intergrasi yang melibatkan tiga demensi iaitu pendidikan, kurikulum dan masyarakat memerlukan masa yang lama untuk dicapai (Ahmad Annas, 2011). Semua pihak hendaklah sentiasa berganding bahu bagi menjadikan matlamat mengintergrasikan masyarakat yang benar-benar cintakan kedamaian tercapai.

## METODE PENELITIAN

Kajian penyertaan aktiviti kokurikulum dapat meningkatkan nilai integrasi pelajar Politeknik Mersing adalah merupakan kajian deskriptif. Penyelidikan deskriptif sesuai digunakan dalam kajian yang ingin menjelaskan fenomena yang wujud, menurut Mohd Majid (1994). Untuk kajian ini, soal selidik telah digunakan untuk menerangkan kejadian yang sedang disiasat. Matlamatnya adalah untuk mengumpul maklumat dengan cepat dan mendapatkan gambaran yang jelas tentang bagaimana aktiviti kokurikulum menyokong penghayatan pelajar terhadap integrasi kaum, cara mereka membantu pelajar mengembangkan kemahiran kepimpinan, dan bagaimana ia membantu pelajar menjadi lebih berdisiplin.

Menurut penjelasan Mohamad Majid (2000), matlamat penyelidikan deskriptif adalah untuk menyiasat sesuatu subjek yang belum dipelajari dengan baik. Beliau berpendapat bahawa penggunaan soal selidik boleh meningkatkan ketepatan dan keikhlasan jawapan yang diberikan oleh responden, menjadikannya lebih berguna dan berkesan. Mereka dibenarkan menggunakan perkataan mereka sendiri untuk menjawab sebarang soalan yang dikemukakan.

#### I Sampel kajian

Oleh kerana terdapat banyak lapisan sampel rawak yang sedang digunakan tanpa had, persampelan rawak berstrata telah dipilih. Kemungkinan penyelidik akan memperoleh data yang mewakili populasi meningkat dengan penggunaan pensampelan berstrata, meningkatkan ketepatan penemuan. Pelajar dari Politeknik Mersing semester pertama dan kedua merupakan populasi kajian. Menurut Gay (1992) bilangan sampel sebanyak 10% hingga 20% daripada populasi adalah memadai.

#### II Instrumen kajian

Soal selidik telah digunakan sebagai alat kajian untuk mengkaji sejauh mana pelajar Politeknik Mersing menghargai integrasi melalui penyertaan dalam aktiviti kokurikulum. Mohd Majid (1994) menyifatkan soal selidik sebagai alat untuk mengumpul data tentang fakta, pendapat, perasaan, kehendak dan topik lain. Soal selidik untuk kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian, dengan Bahagian A meliputi maklumat demografi pelajar. Soalan Bahagian B tertumpu kepada keperluan aktiviti kokurikulum bagi pelajar Politeknik Mersing. Soalan-soalan

yang berkaitan dengan latar belakang responden yang ditanya dalam bahagian A disenaraikan dalam Tabel 1 di bawah.

Tabel 1 Latar Belakang Responden

Bahagian B bertujuan untuk memberi penerangan tentang keperluan kokurikulum pelajar semester satu dan kedua di Politeknik Mersing. Tabel di bawah, Tabel 2, menggariskan bagaimana soalan dibahagikan dalam borang soal selidik.

Tabel 2 Faktor Keperluan Aktiviti Kokurikulum

<b>Keperluan Aktiviti Kokurikulum</b>	<b>Jumlah Soalan</b>
Nilai Intergrasi	5
Kualiti Kepimpinan	5
Tahap Disiplin	5

Maklumbalas untuk bahagian B diambil pada skala likert menggunakan lima titik ukuran yang berbeza. Mengikut skala dari satu ekstrem kepada yang lain, responden dikehendaki menandakan respons mereka terhadap sesuatu pernyataan (Mohd Najib, 1999). Tabel 3 di bawah menyenaraikan ukuran kecenderungan pelajar untuk mengikuti kursus kokurikulum di Politeknik Mersing.

<b>Item</b>	<b>Latar Belakang</b>
1	Jantina
2	Bangsa
3	Penglibatan Kursus Kokurikulum

Tabel 3 Pemeringkatan Skala Likert

<b>Nilai Likert</b>	<b>Maklumbalas</b>
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

*Sumber Mohd Najib, (1999)*

### III Kajian Rintis

Matlamat penyelidikan rintis, menurut Stanley & Sedlack (1992), adalah untuk menemui cabaran item termasuk salah tafsiran responden terhadap soalan, arahan yang mengelirukan, dan isu lain yang berkaitan. Kajian rintis adalah perlu untuk memastikan instrumen boleh dipercayai sebelum penyiasatan sebenar dijalankan. Menurut Gay (1996), kebolehpercayaan ialah keteguhan pengukuran instrumen yang bebas daripada tindakan yang diambil.

*Alpha Cronbach* adalah teknik statistik, mengikut Mohd Najib (1999), menganggap bahawa jika semua item mengemukakan soalan yang sama, maka responden akan memberikan respons yang sama untuk item yang mengukur konstruk yang sama.


## HASIL DAN PEMBAHASAN

### I Analisis Data

Tabel 4 Nilai integrasi dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing

No	Pernyataan Soalan	Jumlah Responden (%)					Min
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	
1	Saya bekerjasama dengan semua bangsa dalam menjalankan aktiviti.	0 (0%)	0 (0%)	5 (1.42%)	80 (22.85%)	265 (75.71%)	4.74
2	Arahan pemimpin perlu dipatuhi untuk selesaikan aktiviti.	0 (0%)	2 (0.57%)	13 (3.71%)	129 (36.86%)	206 (58.86%)	4.54
3	Aktiviti kokurikulum mendidik saya supaya lebih berdisiplin	0 (0%)	2 (0.57%)	21 (6%)	138 (39.43%)	189 (54%)	4.46
		Purata Keseluruhan					4.58

Di dalam Tabel 4, dapat dilihat bahawa nilai integrasi dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing boleh ditingkatkan dengan melihat kepada purata peratusan dan min respons terhadap persoalan kajian berkaitan penglibatan aktiviti kokurikulum. Purata min bagi ketiga-tiga soalan kajian ialah 4.58, mengikut dapatan analisis data, yang membawa kepada kesimpulan ini. Nilai min tertinggi ditunjukkan dalam pernyataan soalan pertama pada 4.74, diikuti dengan 4.54 dan 4.46. Perbandingan ketiga-tiga nilai kokurikulum juga ditunjukkan dalam Gambar 1.



**Gambar 1** Perbandingan diantara nilai intergrasi, kepimpinan dan disiplin

Ini menunjukkan bahawa pelajar Politeknik Mersing bersetuju bahawa aktiviti kokurikulum adalah penting untuk menyepadukan, membangunkan kemahiran kepimpinan, dan mengekalkan disiplin. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum boleh mewujudkan warganegara yang berjaya dan dihormati.

## II PERBAHASAN

Keperluan aktiviti kokurikulum adalah sangat penting untuk merialisasikan agenda kerajaan untuk mewujudkan perpaduan kaum. Diharapkan Pensyarah Kursus dan pelajar lebih bersemangat dalam menyelesaikan aktiviti kokurikulum pada masa akan datang. Ini adalah kerana ianya terbukti memberikan banyak impak kepada proses menuju kehidupan alam pekerjaan yang mana mereka perlu hidup harmoni bersama semua bangsa sebagai Bangsa Malaysia.

Kajian mendapati melalui analisis data bahawa penglibatan aktiviti kokurikulum boleh meningkatkan tahap integrasi. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang menyertai aktiviti kokurikulum benar-benar selesa bekerja dengan rakan dari semua latar belakang kaum dan agama. Menurut Che Wan Mohd Amil (1991), proses menyatukan individu daripada pelbagai latar belakang untuk membentuk satu entiti yang disatukan oleh piawaian, nilai, dan minat yang sama, memberikan sokongan untuk dapatan kajian. Ini menjelaskan bahawa untuk menggalakkan semangat masyarakat majmuk, integrasi kaum perlu dihargai oleh setiap pelajar.

Hasil kajian ini selaras dengan penyiasatan Burton (1981) tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan seseorang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum. Untuk lebih memahami antara satu sama lain adalah penyelesaiannya.

## SIMPULAN

Aktiviti kokurikulum adalah satu persekitaran yang terbaik kepada pelajar untuk bersosial. Dengan menyertai kursus kokurikulum pelajar boleh mengembangkan kemahiran sosial, memupuk kerjasama dan meningkatkan kebolehan kepimpinan. Pelajar mesti belajar untuk memahami, menerima, bersabar dan menghargai antara satu sama lain. Sebagai satu medan sosial untuk menggalakkan keunikan dan pengetahuan tentang nilai perpaduan di Malaysia, nilai integrasi yang digunakan dalam kokurikulum Politeknik Malaysia boleh diperluaskan lagi.

## DAFTAR PUSTAKA

- [1] Ahmad Annas Hasmori, Hussin Sarju, Ismail Sabri, Rohana Hamzah & Mohd Shukri (2011). *Pendidikan, Kurikulum Dan Masyarakat: Satu Integrasi* : Falkuti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- [2] Abdul Fatah Hassan (2003). *Pengenalan Falsafah Pendidikan*. Pahang: PTS Publications Distributors Sdn.Bhd.
- [3] Burton, H. D. (1981), *Personal Documentation Methods and Practices with Analysis of their Relation to Formal Bibliographic Systems and Theory*. Ph.D. dissertation, Berkeley: University of California at Berkeley
- [4] Che Wan Mohd Amil Bin Che Wan Sulaiman (1991). “*Sikap Pelajar-pelajar Luar Bandar Terhadap Kegiatan Kokurikulum Sekolah: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kerdau, Temerloh, Pahang*”. UKM: Kajian Ilmiah. “Tidak Diterbitkan”.
- [5] Gay, L. R. (1992). *Educational research*. New York: Maxwell Macmillan International.
- [6] Konting, M. M. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.